

28 OCT 1998

IMF-MALAYSIA/I

RAMALAN PERTUMBUHAN SATU PERATUS MALAYSIA REALISTIK, KATA PAKAR IMF

SINGAPURA, 28 Okt (Bernama) -- Ramalan pertumbuhan satu peratus Malaysia untuk tahun 1999 adalah realistik dan negara ini dijangka mulai pulih tahun depan, kata Timbalan Pengarah Penyelidikan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Flemming Larsen.

Memang besar kemungkinan Malaysia akan pulih pada setengah tahun kedua tahun depan bersama-sama dengan beberapa negara Asia lain yang mengalami krisis ekonomi, katanya selepas mengadakan sidang media mengenai ramalan terbaru IMF mengenai masa depan ekonomi dunia, di sini hari ini.

"Begitu juga, Malaysia mempunyai dagangan terbuka. Ia tentunya, akan menerima manfaat daripada apa yang berlaku di rantau ini. Jadi saya fikir, besar kemungkinan Malaysia akan mula pulih tahun depan," katanya.

Mengenai ramalan pertumbuhan Malaysia yang diumumkan Jumaat lepas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata: "Saya fikir ia adalah ramalan yang realistik, ia mungkin lebih rendah, ia juga mungkin lebih tinggi."

"Ia bergantung kepada dasar-dasar Malaysia, keyakinan pengguna-pengguna Malaysia dan pelabur asing dan apa yang berlaku di seluruh Asia dan dunia ini, dan memandangkan kekukuhan pasaran-pasaran utama Malaysia, iaitu Eropah dan Amerika Utara," tambahnya.

Mengenai kawalan modal berpilih yang diperkenalkan oleh Malaysia bulan lepas untuk melindungi ekonomi daripada terus dilanda krisis, Larsen berkata IMF tidak mempunyai pandangan keras terhadap penggunaan kawalan modal dalam kes-kes tertentu tetapi ada kebimbangan terhadap pelaksanaannya semasa krisis ini.

"Adalah diharapkan agar pihak berkuasa Malaysia akan berjaya dalam usaha-usaha mereka untuk menyusun semula ekonomi dan mengatasi masalah-masalah yang ada, terutamanya dalam sistem kewangan.

"Ia membolehkan Malaysia untuk membatalkan kawalan-kawalan ini lebih cepat dan mengelak ketidaktentuan yang mungkin akan mempengaruhi kesediaan pelabur-pelabur melabur di Malaysia untuk jangka panjang," katanya.

Larsen berkata kawalan modal tentunya boleh memberikan ruang bernafas bagi perubahan dibuat, tetapi ia boleh melengahkan perubahan yang diperlukan di bidang lain ekonomi, dan memberi kesan kepada pemulihan keyakinan pelabur.

Ia juga mengakibatkan keraguan terhadap keterbukaan Malaysia yang merupakan antara negara-negara Asia paling berjaya dengan usaha-usahanya untuk berintegrasi ke dalam sistem perdagangan sejagat dan menarik jumlah pelaburan langsung asing yang besar, katanya.

Larsen juga berkata pada awal-awal krisis ini, Malaysia jelas mempunyai ruang untuk mengatasi masalah-masalah dalam sistem kewangan dan ekonominya.

-- BERNAMA

TCL JR OS